



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“**PENYELESAIAN HARTA PUSAKA - SUATU KEWAJIPAN**”

23 Disember 2022 / 28 Jamadil Awwal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُلَّهُ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperteguh iman dan takwa ke hadrat Allah SWT; mentaati perintah Nya dan melaksanakan amal soleh, menjauhi larangan Nya dan meninggalkan perkara maksiat serta mungkar. Mudah-mudahan kita terus dianugerahkan hidayah dan taufik serta ditetapkan iman sehingga saat kembali kepada Nya. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “**PENYELESAIAN HARTA PUSAKA - SUATU KEWAJIPAN**”

Harta pusaka ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia, sama ada dalam bentuk harta benda atau hak yang akan diwarisi oleh waris. Islam menegaskan pentingnya diselesaikan urusan harta pusaka supaya tidak meninggalkan masalah kepada waris selepas berlakunya kematian. Namun begitu, sikap memandang ringan terhadap urusan harta pusaka, telah menyebabkan umat Islam mengalami kerugian kerana harta yang ditinggalkan oleh si mati, tidak dituntut atau menghadapi masalah untuk dituntut.

Laporan menunjukkan angka dan nilai harta yang dibekukan dan tidak dituntut, meningkat setiap tahun. Pada tahun 2007, jumlah harta yang dibekukan dan tidak dituntut bernilai 40 bilion ringgit; meningkat kepada RM52 bilion pada tahun 2014, meningkat kepada 60 bilion ringgit pada tahun 2016 dan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



terus meningkat kepada 90 bilion ringgit pada tahun 2021. Sembilan puluh peratus daripada harta yang dibekukan, ialah milik orang Islam.

Fakta ini, menunjukkan berlakunya terlalu banyak harta umat Islam terbiar dan tidak dipindah milik kepada waris yang berhak. Kegagalan mengagihkan harta kepada waris dalam tempoh yang cepat, menyebabkan kerugian besar kepada ahli-ahli keluarga juga kepada ekonomi umat Islam.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Nabi SAW sangat menekankan agar harta yang dimiliki, dapat diuruskan dengan sebaiknya, sebagaimana Abu Hurairah RA pernah mendengar Baginda berpesan untuk saling memberi hadiah agar saling menyayangi. Menurut Islam, pengurusan harta terbahagi kepada dua fasa; pertama: perancangan semasa hidup seperti sedekah, wasiat, hibah serta wakaf, dan kedua: pengurusan selepas kematian, iaitu pembahagian harta pusaka. Terlalu ramai umat Islam yang kurang menyedari bahawa harta yang ingin diwarisi selepas kematian hendaklah dibuat setelah mengambil kira hutang si mati, zakat yang belum ditunaikan, harta sepencarian, gadaian yang belum ditebus, fidyah yang belum dilunaskan, nafkah yang belum disempurnakan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang masih tertunggak.

Allah SWT telah menentukan pembahagian harta pusaka hendaklah dilakukan berdasarkan hukum faraid; menetapkan setiap ahli waris berhak mendapat bahagiannya secara adil sebagaimana firman Allah SWT:

﴿ فَرِيضَةً مِّنْ أَلَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴾

Bermaksud: (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah An Nisa ayat 11)

Perkara ini turut diperkuuhkan melalui hadis daripada Abdullah bin Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحُقُّوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأُولَئِكَ رَجُلٌ ذَكَرٌ



Bermaksud: Hendaklah kamu berikan fardu-fardu kepada ahli-ahlinya apa yang berbaki maka untuk lelaki yang lebih utama. (Hadith riwayat al-Bukhari)

Para tetamu Allah yang dikasihi,

Harta pusaka yang terbiar dan tidak diuruskan akan meninggalkan kesan negatif; umpamanya, tanah yang mempunyai nilai perniagaan yang tinggi, tidak dapat dibangunkan untuk membawa pulangan. Bangunan yang mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai pusat perniagaan akan terbiar dan rosak. Harta pusaka yang dibekukan dan harta yang tidak dituntut, turut menampakkan kelemahan dan kurang bijaksana umat Islam untuk memahami dan menghargai nilai harta yang berperanan penting untuk memacu ekonomi.

Tidak sekadar itu, masalah harta pusaka, turut memberi kesan dari sudut agama dan hukum. Sebagai contoh, harta-harta yang sepatutnya menjadi hak anak-anak yatim, ibu bapa yang lanjut usia dan ibu-ibu tunggal, tidak dapat diberikan dengan sewajarnya dalam tempoh yang cepat; akibatnya hidup mereka dianiaya dan dizalimi. Pada waktu yang sama, harta-harta ini akan bercampur baur dengan harta-harta lain, yang akhirnya cenderung untuk digunakan, dimakan dan dipakai secara tidak sah atau haram.

Di samping itu, kelewatan menguruskan harta pusaka, boleh menimbulkan kemarahan sebahagian ahli waris sehingga berlaku perselisihan faham dan permusuhan sesama mereka. Semakin tertangguh dan semakin lewat urusan harta pusaka diselesaikan, akan membuatkan keadaan menjadi semakin kusut dan semakin rumit kerana akan berlaku kematian yang bertindih, dan dengan sendirinya bilangan ahli waris akan bertambah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Allah SWT telah memperingatkan supaya para hamba Nya tidak meninggalkan harta melainkan telah diuruskan dengan baik sebagaimana firman Nya dalam surah al-Baqarah ayat 180:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا أَوْ صَيْةً لِّلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴾١٦٣﴾



Bermaksud: Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa.

Ayat 180, surah al-Baqarah menegaskan, harta yang ditinggalkan wajib diuruskan dengan segera dan diberikan haknya kepada ahli waris. Malangnya, terdapat sesetengah orang yang berfahaman salah, beranggapan tidak sesuai harta pusaka diuruskan segera kerana bimbang akan dikatakan tamak ahli waris. Fahaman salah sedemikian wajib diperbetulkan, kerana harta yang ditinggalkan menjadi keperluan penting ahli waris bagi meneruskan kehidupan; oleh itu wajib diselesaikan secepat mungkin.

Mimbar mengingatkan ummah agar pengurusan harta hendaklah dibuat dengan jelas dan bertulis supaya tidak timbul salah faham dan keraguan ahli waris terhadap harta-harta yang telah dihibahkan, diwasiatkan dan diwakafkan. Ahli waris juga perlu diberitahu tentang peranan penama dan pemegang amanah bagi harta-harta si mati agar harta-harta tersebut tidak disalahgunakan atau diambil dengan cara yang bukan haknya.

Penyelesaian harta pusaka perlu diberikan perhatian serius, diutamakan dan sebaik-baiknya dilakukan semasa hidup. Mimbar dengan ini berpesan kepada kaum Muslimin peringatan-peringatan berikut:

Pertama: Mempertingkatkan pengetahuan berkaitan pengurusan harta pusaka, wasiat, hibah, wakaf dan sebagainya.

Kedua: Masjid, surau, pejabat, institusi, persatuan dan badan-badan belia, menganjurkan secara meluas dan berkala program penerangan pengurusan harta pusaka kepada anggota masyarakat melalui tazkirah, taklimat dan ceramah.

Ketiga: Pembahagian harta pusaka yang tidak dibuat dengan segera akan menimbulkan pelbagai masalah yang merumitkan seperti tuntutan yang berlapis, waris tidak dapat dikesan serta waris tidak mahu memberikan kerjasama untuk menyelesaiannya.

Keempat: Sekiranya timbul kebimbangan terhadap harta pusaka yang tidak dapat dimanfaatkan oleh ahli waris dan pihak-pihak berkenaan selepas kematian, maka buatlah perancangan harta yang bijaksana melalui hibah, wasiat, wakaf dan sebagainya.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنْكُمْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٍ وَيُكَافِئُ مَزِيدَه. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتِي كَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى أَنَّسِيٍّ يَتَأَيَّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَالْفَ لَبَّ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثِئْتُهُمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami agar memperoleh harta daripada sumber yang halal dan menguruskan harta dengan baik taktala kami hidup dan selepas ketiadaan kami.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Riduan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ الْمَأْوَى لِمَنِ اضْطَرَّ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ أَعْلَمُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin